

SULIT



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU
TERENGGANU

PEPERIKSAAN TOV 2009
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1
Januari.

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1103/1

SULIT

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada faktor yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



1103/1

SULIT

1103/1

SULIT

Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Keselamatan pelajar pada hari ini semakin membimbangkan. Semua pihak perlu memainkan peranan untuk memastikan keselamatan pelajar terjamin.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah anda untuk menjamin keselamatan pelajar.

2. “Otak yang cerdas lahir daripada badan yang sihat”. Oleh itu, generasi kini perlu dididik untuk mengamalkan budaya hidup sihat.

Bincangkan peranan ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka mengamalkan gaya hidup sihat.

3. Kerajaan menggalakkan rakyat negara ini menggunakan pengangkutan awam tetapi mutu perkhidmatannya sering menjadi rungutan pelbagai pihak.

Tulis rencana tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak berkenaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.

4. Kesepakatan dan tolak ansur antara Malaysia dengan negara jiran banyak membantu dalam kemajuan ekonomi dan kestabilan politik negara-negara serantau.

Berikan komen anda tentang pernyataan tersebut.

5. Karya-karya sastera mengandungi pelbagai pengajaran yang dapat mendidik masyarakat.

Berikan ulasan anda untuk menyokong pernyataan di atas.

KERTAS SOALAN TAMAT